

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Cuaca panas melanda beberapa negeri

KKM umum tutup sekolah jika terdapat keperluan

Orang ramai tak perlu khuatir, kementerian sentiasa pantau keadaan semasa

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan membuat pengumuman berkaitan penutupan sekolah jika terdapat keperluan berbuat demikian susulan keadaan cuaca panas yang melanda beberapa negeri ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata keputusan berhubung penutupan cuaca panas ini akan dibuat Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Seri Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Beliau berkata, setakat ini, orang ramai diminta tidak khuatir dengan keadaan cuaca panas kerana pihaknya sentiasa memantau keadaan itu.

"Jangan khuatir, sejour ada situasi seperti itu (menutup sekolah), (kita) segera buat pengumuman," katanya kepada media selepas menghadiri Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya keperluan menutup sekolah ekoran keadaan cuaca panas sejak kebelakangan ini dan kelmarin, Menteri Sumber



Dr Dzulkefly (kanan) menyerahkan replika cek zakat kepada wakil Hospital Tuanku Azizah Kuala Lumpur pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA), di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dilaporkan berkata, cuaca panas susulan fenomena El Nino di negara ini dijangka berterusan hingga Julai.

Dr Dzulkefly berkata, prosedur operasi standard (SOP) berhubung cuaca panas sedia ada, termasuk nasihat mengurangkan aktiviti luar di sekolah masih kekal dengan Kementerian Pendidikan, termasuk guru besar digesa tidak membenarkan pelajar menjalankan aktiviti luar jika

suhu kekal 35 darjah Celsius tiga hari berturut-turut sebagai langkah pencegahan.

Atasi PPS di hospital daerah

Sementara itu, beliau berkata, rancangan bagi menangani isu kekurangan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) di hospital daerah akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Malam ini (ada) mesyuarat tergempar dengan pengurusan tinggi KKM untuk tangani perkara ini (dan) sehari dua nanti,

akan umum rancangan pelaksanaan," katanya.

Pada majlis semalam, Dr Dzulkefly turut melancarkan Pelan Strategik Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) 2024-2028 dalam mentransformasikan agensi itu ke arah operasi regulatori bertaraf antarabangsa.

Beliau berkata, pelan itu mencerminkan keazaman MDA untuk berada di barisan hadapan bagi kawalan mutu, jaminan keselamatan dan kawal selia industri.

Pantau Sungai Segget elak kembali tercemar

Johor Bahru: Kualiti baik Sungai Segget seharusnya dipantau dan dipelihara supaya ia tidak kembali kepada keadaan asal, kata Pengerusi Persatuan Penjagaan Alam Sekitar Bumi Hijau (GES) Johor, P Siva Kumar.

Beliau berkata, tidak mustahil Sungai Segget yang sebelum ini dikatakan antara sungai tercemar di Malaysia boleh menandingi kecantikan sungai terkenal di luar negara sekiranya semua pihak bergandeng bahu.

Katanya, mengikut sejarah, sungai sepanjang 3.8 kilometer itu menjadi nadi pembangunan Johor Bahru sebelum ini.

"Kita hanya melihat keadaan sungai, namun kita tidak menyedari penyumbang pencemaran, sekiranya dapat diatasi, tidak mustahil keadaan sungai ini lebih baik dan menjadi tumpuan ramai.

"Bagi menyokong langkah ini, penguatkuasaan perlu dipertingkatkan iaitu tindakan lebih tegas perlu dilakukan bagi pihak yang menyumbang kepada pencemaran, selain usaha mendidik masyarakat supaya peka isu sungai.

"Malah, GES juga berharap pihak berkuasa terus menjalankan langkah memburu pengusaha kilang haram dan menyelesaikan masalah kewujudan penempatan selinggan yang menyumbang kepada masalah pencemaran sungai di Johor," katanya selepas Program Membuang Bebola Effective Microorganisms (EM) di Sungai Segget anjuran DoubleTree by Hilton di sini, semalam.

Sementara itu, Justkowiak berkata, pihaknya menjalin kerjasama dengan GES dalam penyediaan 5,000 bebola EM mudball yang mampu mengurai sedimen dalam sungai secara berunsur.

Tanah Merah catat bacaan IPU tidak sihat

Kuala Lumpur: Keadaan jerebu di Tanah Merah, Kelantan, semakin serius dengan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) terus merekodkan peningkatan kepada 151 iaitu tidak sihat setakat jam 4 petang semalam.

Berdasarkan tinjauan BH di portal Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara Malaysia (APIMS), kualiti udara di daerah terbabit berada pada tahap tidak sihat sejak jam 1.30 tengah hari iaitu pada bacaan 125.

Selain itu, berdasarkan data terkini yang dikongsi melalui laman web itu, sebanyak 43 kawasan di seluruh negara mencatatkan bacaan IPU pada tahap sederhana, manakala 24 daerah lagi merekodkan baca-

an tahap baik.

Bacaan IPU antara 0 hingga 50 dikategorikan sebagai baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (sangat tidak sihat) dan 300 ke atas (berbahaya).


"Antara kawasan yang merekodkan bacaan IPU tahap sederhana petang ini (semalam) termasuk Kota Bharu di Kelantan dengan bacaan 76; Besut (72), Kuala Nerus (67) dan Kuala Terengganu (58) di Terengganu; Jerantut (60), Mentakab (53) dan Balok Baru Kuantan (70) di Pahang.

"Selain itu, Alor Setar (66) dan Sungai Petani (52) di Kedah; Balik Pulau (52), Minden (55) dan Seberang Jaya (53) di Pulau Pi-

nan; Taiping (69) dan Seri Manjung (63) di Perak; Kuala Selangor (62), Klang (72), Banting (73) di Selangor; selain Cheras (86); Bukit Rambai di Melaka (62); dan Larkin (64) di Johor," katanya menurut data yang dikongsi.

Bagi kawasan yang merekodkan bacaan IPU tahap baik pula, ia termasuk Pengang dan Kota Tinggi di Johor dengan bacaan IPU masing-masing 34 dan 36; Langkawi di Kedah (35); Kangar di Perlis (36); Kimanis (12) dan Keningau (35) di Sabah; serta Mukah (26), Sarikei (16) dan Sri Aman (13) di Sarawak.

Data IPU dikeluarkan setiap jam berdasarkan 68 stesen pengawasan kualiti udara di seluruh negara.



Lebih 100 jemaah menunaikan solat sunat memohon hujan di Mukim Padang Pak Amat, Pasir Puteh, semalam. (Foto ihsan pembaca)

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Bekas wartawan derma kornea mata bantu pesakit memerlukan

KOTA KINABALU - Seorang bekas wartawan akhbar tempatan menjadi penderma organ pertama di Sabah tahun ini.

Mendiang Kriscy Limjoon, 43, mendermakan sepasang mata atau kornea selepas disahkan meninggal dunia akibat masalah perubatan baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS), Datuk Dr Asits Sanna, berkata, pihaknya dimaklumkan keluarga mendiang mengenai hasrat untuk menderma organ bagi membantu pesakit lain yang memerlukan.

"Hasil penilaian mendapati hanya mata yang masih sesuai untuk didermakan dan pihak keluarga bersetuju meneruskan hasrat murni itu.

"Sepasang kornea yang didermakan juga telah berjaya ditransplan dan membantu memulihkan penglihatan dua orang pesakit yang lain," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Asits menyatakan pendermaan organ dan transplan kepada pesakit yang menerima organ mendiang dilakukan di Hospital Queen Elizabeth (HQE) baru-baru ini.

Sementara itu, Asits berkata, pihak keluarga menyifatkan mendiang sebagai seorang yang berhati murni, periang tetapi tegas dalam menjalankan tugas selain suka membantu orang dan sentiasa memberi sokongan kepada peniaga tempatan.

"Walaupun tidak berkesem-



KRISCY LIMJOON

patan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ, namun mendiang pernah berbilang dengan keluarganya mengenai hasrat untuk menderma organ.

"Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengucapkan takziah dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak keluarga di atas pendermaan ini. Semoga roh mendiang diberkati dan pihak keluarga diberi kekuatan menghadapi kehilangan ini," kata Asits.

Mendiang Kriscy yang berasal dari Kampung Domis Hungab, Penampang adalah ibu kepada dua orang anak pernah bertugas sebagai wartawan akhbar tempatan.

Selain tu, mendiang juga pernah menjadi guru bahasa Inggeris sebuah sekolah swasta di Sabah.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Duit raya sumbangan peribadi, tak terkait PRK - Dr Dzulkefly

PUTRAJAYA - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad sedia disiasat berhubung dakwaan mengedarkan sampul duit raya yang tertera gambar beliau kepada pengundi di Kuala Kubu Bharu.

Jelasnya, tindakan tersebut dilakukan sebelum hari penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kubu Bharu.

"Siasatlah apa nak siasat pun. Tidak mengapa, mereka akan tahu apa yang sebenarnya," kata beliau ketika ditemui pemberita selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) di sini pada Jumaat.

Jelas beliau, pemberian duit raya merupakan amalan yang sewaktu menyantuni kakitangan Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) dan pesakit di wad.

"Ke mana saya pergi buat lawatan ke hospital untuk menyantuni kakitangan dan pesakit, saya bagi duit raya.

"Ia sumbangan peribadi daripada saya. Tidak terkait dengan pilihan raya.

"Awak nak kata apa pun tak apalah. Saya bukan cari populariti," katanya.

Dr Dzulkefly berkata demikian mengulas mengenai tuduhan yang dilemparkan terhadapnya berkaitan pemberian duit raya, malah Ketua Pemuda Bersatu, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal mengesahkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyiasat perkara tersebut.

PRK Kuala Kubu Bharu kini dalam tempoh kempen dan 11 Mei depan ditetapkan sebagai hari mengundi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Mendiang Krisicy Limjoon derma kornea mata kepada dua pesakit lain

Bekas wartawan penderma organ pertama di Sabah

Oleh ASYIKIN ASMIN
KOTA KINABALU

Seorang bekas wartawan akhbar tempatan menjadi penderma organ yang pertama di Hospital Queen Elizabeth (HQE) di sini dengan mendermakan sepasang kornea matanya kepada dua pesakit lain di negeri ini.

Krisicy Limjoon, 43, yang meninggal dunia akibat masalah perubahan beraja membantu memulihkan dua pesakit yang mengalami masalah penglihatan.

Pengarah Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr Asits Sanna berkata, pihak keluarga memaklumkan hasrat mereka untuk menderma organ mendiag bagi membantu pesakit lain yang memerlukan.

"Hasil penilaian mendapati hatinya mata (kornea) yang masih sesuai untuk didermakan dan pihak ke-

luarga telah bersetuju meneruskan hasrat murni tersebut.

"Sepasang kornea yang didermakan telah berjaya ditransplan dan membantu memulihkan penglihatan dua pesakit yang lain," katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Sebelum itu, Dr Asits memaklumkan mendiag yang berasal dari Kampung Domis Hungab, Penampang telah berkahwin dan merupakan seorang ibu kepada dua orang anak.

"Mendiag pernah bertugas sebagai wartawan akhbar tempatan dan menjadi guru bahasa Inggeris di salah sebuah sekolah swasta di Sabah.

"Pihak keluarga menyifatkan mendiag sebagai seorang yang berhati murni, periang tetapi tegas dalam menjalankan tugas. Mendiag juga suka membantu orang dan sentiasa memberi sokongan kepada

peniaga-peniaga tempatan.

"Walaupun tidak berkesempatan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ, namun mendiag pernah berbincang dengan keluarga mengenai hasratnya untuk menderma organ," katanya.

Sehubungan itu, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) ingin menggalakkan orang ramai supaya berbincang dengan keluarga tersayang mengenai topik pendermaan organ.

"Ini bagi memudahkan untuk keluarga memberikan keputusan pendermaan setelah pemergian kita," katanya.

Asits berkata lagi, JKNS mengucapkan takziah dan merakamkan penghargaan kepada pihak keluarga di atas pendermaan tersebut.

"Semoga roh mendiag diberkati dan pihak keluarga diberi kekuatan menghadapi kehilangan ini," katanya.



Mendiag yang juga bekas wartawan akhbar tempatan menjadi penderma organ pertama pada tahun ini di HQE Kota Kinabalu.

Kesedaran untuk menderma organ perlu ditingkatkan

SHAH ALAM - Kesedaran rakyat Malaysia menjadi penderma organ terutama jantung masih rendah kerana berkemungkinan disebabkan salah faham dari aspek keagamaan.

Aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, ramai yang sedar mengenai kepentingan menjadi penderma organ namun peratusan tampil ke hadapan amat kecil.

Beliau yang juga merupakan pengikrar penderma organ sejak 30 tahun lalu menjelaskan, sedangkan setiap agama tidak menghalang manusia daripada melakukan kebaikan seperti menderma organ.

"Menderma organ adalah salah satu perbuatan yang mulia kerana dapat membantu orang lain walaupun telah meninggal dunia.

"Misalnya buah pinggang kita boleh digunakan untuk ganti organ itu ke dalam tubuh orang lain yang sudah rosak atau tidak berfungsi. Ia dilakukan bukan waktu kita hidup tetapi setelah meninggal dunia dan dipanggil kadaverio.

"Sungguhpun orang ramai sedar mengenai perkara tersebut namun faktor agama antara penghalang utama rakyat negara ini daripada berikrar untuk menjadi penderma organ," ujarnya ketika dihubungi Sinar Harian.

Tambah Lam Thye, terdapat juga ahli keluarga tidak bersetuju walaupun mereka jelas telah mendaftar sebagai penderma organ.

"Masa nak derma ada masalah daripada keluarga sehingga menyebabkan

“

Menderma organ adalah salah satu perbuatan yang mulia kerana dapat membantu orang lain walaupun telah meninggal dunia.”



- Lam Thye

hasrat tersebut tidak dapat direalisasikan," jelasnya.

Menurut beliau, kerajaan perlu terus komited menganjurkan pelbagai kempen kesedaran termasuk bekerjasama dengan pelbagai agensi antaranya badan bukan kerajaan (NGO) bagi mempromosikan kepentingan kempen derma organ.

"Saya rasa maklumat perlu dikongsi dengan masyarakat agar orang ramai dapat lebih memahami erti, fungsi dan bagaimana penderma boleh dilakukan. saya rasa ia perlu disebarkan.

"Apabila sesuatu kempen diadakan sudah pasti dapat membuka mata lebih ramai orang awam menjadi penderma organ," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

KKM kekal SOP
saranan tidak anjur
aktiviti luar darjah
jika suhu lebih 35
darjah Celsius

Oleh **TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN**
PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuat pengumuman termasuk memper-
timbang keperluan penutup-
an sekolah berikutan cuaca pa-
nas melanda beberapa negeri.

Menteri Kesihatan, Datuk
Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata,
langkah tersebut memerlukan
penelitian Ketua Pengarah
Kesihatan, Datuk Dr Muhammad
Radzi Abu Hassan selain perlu
diperhalusi dengan cermat.

"Jangan khuatir, jika perlu
kita akan segera buat peng-

umuman," katanya ketika di-
temui pemberita selepas Majlis
Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Pihak Berkuasa
Peranti Parubatan (MDA) di sini
pada Jumaat.

Menurutnya, pada masa ini
kementerian kekal dengan pro-
sedur operasi standard (SOP)
yang menyarankan agar sekolah
tidak menganjurkan sebarang
aktiviti luar bilik darjah sekiranya
suhu cuaca melebihi 35 darjah
Celsius selama tiga hari berturut-
turut.

"Saya sangat menganjurkan
Kementerian Pendidikan atau
guru besar supaya tidak meng-
izinkan pelajar buat aktiviti di
luar,

"Itu sangat mus-
tahak kerana kita
tidak mahu saksi-
kan kejadian se-
belum ini berlaku,"
ujarnya.

Cuaca panas
luar biasa yang me-
landa terutama di
Kelantan, Perlis dan
Kedah ketika ini di-
jangka berlarutan
selama dua bulan
lagi selain menjadi
musim paling panas dunia.

Menteri Sumber Asli dan
Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik
Ahmad berkata, cuaca panas ini
melibatkan dua aspek iaitu fa-
nomena El Nino yang bermula



DR DZULKEFLY

sejak tahun lepas se-
lain faktor perubahan
iklim.

Dalam per-
kembangan sama, Dr
Dzulkefly berkata,
orang ramai juga di-
saran agar memberi
perhatian terhadap
kenyataan yang di-
keluarkan Ketua
Pengarah Kesihatan
berkaitan cuaca pa-
nas.

"Saya anjurkan semua untuk
meneliti kenyataan ketua peng-
arah kerana ia sangat mustahak.
Beliau harus jadi rujukan," jelas-
nya.

Sementara itu, mengulas me-

ngenai kekurangan pegawai per-
ubatan siswazah (PPS) di hospi-
tal daerah, Dr Dzulkefly berkata,
kementerian akan mengumum-
kan satu rancangan pelaksanaan
dalam masa terdekat.

"Malam ini (Jumaat) me-
syuarat tergempar dengan peng-
urusan tinggi KKM akan diada-
kan untuk tangani perkara
tersebut," ulasnya.

Pada 26 April lepas, Dr
Dzulkefly dilaporkan telah meng-
arahkan pengurusan KKM di
peringkat pusat dan negeri untuk
meneliti isu bebanan tugas di
hospital serta penilaian semula
tindakan yang telah dibuat mem-
babitkan penempatan dan cara
kerja PPS.

Cuaca panas: Segera umum jika perlu tutup sekolah

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : NASIONAL

KL Wellness City bangun hospital canggih cecah RM1 bilion

KUALA LUMPUR – KL International Hospital Sdn Bhd (KL International Hospital) dan KL Wellness City bakal membangunkan sebuah hospital baharu di Bukit Jalil membabitkan kos mencecah RM1 bilion.

Hospital Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIH) yang dilengkapi fasiliti terkini dijangka menyediakan kemudahan perubatan moden sebaik memulakan operasi pada suku ketiga 2026.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, komitmen pelaburan berkenaan dapat memanfaatkan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) termasuk mengembangkan inovasi perubatan termasuk robotik pertama di Malaysia.

Menurutnya, pembangunan rawawasan itu juga melengkapkan usaha kerajaan untuk menjadi pusat sehenti perubatan dan penjagaan kesihatan yang terkemuka di dunia.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik inisiatif KL International Hospital untuk menyediakan kemudahan rawatan perubatan kepada golongan B40 membabitkan peruntukan RM2 juta.

"Sumbangan ini meningkatkan usaha kerajaan untuk menyediakan penjagaan kesihatan yang boleh diakses kepada masyarakat kurang berkemampuan," katanya.



Dr Dzulkefly (tiga dari kanan) melancarkan hospital 624 katil oleh KL International Hospital di KL Wellness City Galeri Bukit Jalil.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pelancaran kemudahan 624 katil KLIH di KL Wellness City di sini, pada Khamis.

Turut hadir, Ahli Parlimen Seputeh, Teresa Kok; Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari serta Pengarah Urusan KL Wellness City, Datuk Dr Collin Lee.

Pada majlis itu, KL International Hospital turut memeterai memorandum perjanjian persefahaman (MoA) biasiswa

kejururawatan bersama enam institusi pengajian yang disaksikan oleh Dr Dzulkefly.

Enam institusi pengajian tinggi berkenaan ialah Kolej Universiti Antarabangsa MAIWP Antarabangsa, Universiti IMU, Kolej Universiti Lincoln, Kolej Kejururawatan & Sains Kesihatan Adventist, Kolej Perubatan Antarabangsa (IMC) dan Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Oriental Nilam.

Ia membabitkan peruntukan kewangan bernilai RM25 juta untuk menyokong pendidikan pelajar kejururawatan di institusi berkenaan.

Sementara itu, Dr Collin berkata, pemberian sumbangan berkenaan adalah inisiatif syarikat sejajar misi kesejahteraan komuniti dan menyokong matlamat KKM dalam memenuhi keperluan penjagaan kesihatan golongan kurang bernasib baik.

"Penajaan ini akan meliputi yuran pendidikan pelajar, elan sara hidup, dan penginapan serta memastikan graduan berkenaan bekerja di KL International Hospital selepas tamat pengajian.

"Ia akan membuka 3,000 peluang pekerjaan dalam usaha memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang bersama profesional muda," katanya.

Beliau berkata, KLIH yang sedang dalam pembinaan itu bukan saja akan dilengkapi kemudahan terkini tetapi juga ekosistem penjagaan kesihatan yang canggih.

Hospital dengan 624 katil dan berpotensi diperluaskan kepada 1,000 katil itu, akan menawarkan ekosistem perkhidmatan penjagaan kesihatan yang menyeluruh dan bersepadu termasuk fasiliti kesihatan serta keergasan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEWS / NATION

BY 2030

NURSE SHORTAGE TO HIT 60 PER CENT

Collaboration between public, private sectors vital to address issue, says Dzulkefly

LUQMAN HAKIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE shortage of nurses is projected to be close to 60 per cent by 2030, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

To address the issue, he said a collaboration between the public and private sectors could help in meeting the country's healthcare demands, Bernama reported.

"I fully support initiatives by the private sector so that we can not only jointly develop health facilities, but human resources as well.

"We can build hospitals but what is important is the staff. It's not only doctors and specialists, equally important are nurses.

"We are experiencing an acute shortage of nurses," he said during a press conference at the launch of the 624-bed KL International Hospital, at the KL Wellness City Gallery here yesterday.

At the event, Dr Dzulkefly also witnessed the signing of a memorandum of agreement for a nursing scholarship grant worth RM25 million between KL Wellness City and six colleges and universities.

The institutions involved are MAIWP International University College, International Medical College, International Medical University, Adventist College of Nursing & Health Sciences, Lincoln University College and Oriental Nilam College.

Meanwhile, the Malaysian Nurses Union (MNU) said the government must intensify promotional efforts to attract the younger generations to the nursing profession.

Its president, Saaidah Athman, said this was one way to ensure an adequate supply of healthcare professionals in the future.

She said the shortage of nurses in Malaysia was also a direct result of the disruptions brought

on by the Covid-19 pandemic, particularly affecting the nursing student intake.

"During the pandemic, the entire workforce was utilised to operate hospitals and quarantine centres under the Health Ministry's purview.

"This resulted in the suspension of the nursing student intake in 2020.

"The intake was resumed in 2023, but the students are scheduled to complete their training only in 2026. Therefore, this shortage was already expected," she told the *New Straits Times*.

She said the shortage was compounded by factors such as emigration and a lack of interest among the younger generations to pursue nursing careers.

"We conducted a survey during the pandemic that showed a declining interest in the nursing profession.

"As a representative of the nursing union, I urge the gov-

ernment to intensify promotional efforts, such as TV advertisements, to attract the younger generation to the profession."

Union Network International-Malaysia Labour Centre (UNIMLC) vice-president Nor Hayati Rashid said the lack of nurses has been a longstanding global issue.

"Not only Malaysia, but the rest of the world is also facing a significant shortage of healthcare professionals, particularly nurses.

"In fact, the World Health Organisation estimated a shortage of millions of healthcare workers by 2070," said Nor Hayati, who is also former MNU president.

She said without adequate compensation and support, many would naturally avoid the profession as they explore other career paths that offer better remuneration and work-life balance.

"Nursing is a noble profession but it comes with its challenges.

"We need to feel valued and supported in our work to continue serving our communities effectively."

Agreeing with Saaidah's idea to increase promotional efforts, Nor Hayati said the healthcare sector's appeal must be enhanced.

"This entails not only keeping schools and hospitals open, but also offering attractive incentives to retain skilled professionals.

"This will not only attract more young people to the field but also ensure a steady supply of qualified professionals."

However, she added, the challenges went beyond mere recruitment efforts. The private sector, for instance, often requires work experience, resulting in a Catch-22 situation where fresh graduates struggle to secure employment without prior exposure.

"The private sector must be willing to invest in training and development programmes for new graduates.

"By providing opportunities for hands-on experience, we can help bridge the gap between education and employment," Nor Hayati said.



Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

The Star bags MDA Award for awareness on health gadgets

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PUTRAJAYA: *The Star*, the flagship of Star Media Group Bhd (SMG), has been conferred the Medical Device Authority's (MDA) Award for Excellent Service 2023 for its work in promoting public awareness about health gadgets and how they are regulated.

The award was part of MDA's ongoing efforts and commitment to recognise media partners' cooperation in raising awareness of the regulatory ecosystem of medical devices.

"The SMG family is honoured to be recognised by MDA and the Health Ministry," said SMG's chief content officer Datin Paduka Esther Ng after receiving the award for the newspaper category on behalf of the group from Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

"*The Star* and its sister platforms will continue highlighting issues affecting the people and what they hold dear.

"We hope to continue working with the ministry to bring forth matters concerning the nation's health. We both have the same objectives," she said here yesterday.

Earlier at the event, Dzulkefly also launched MDA's four-year Strategic

Plan 2024-2028, in which he challenged the authority to raise their level so that they could be in the same league as other similar authorities at the international level.

"This strategic plan reflects MDA's determination to be at the forefront of quality control, safety assurance and industry regulation, especially in our country.

"To ensure our industry remains at the top of the global stage, MDA, as a world-class regulatory body, must also play the role of mentor, catalyst, facilitator, and subsequently, adviser.

"Not only to me as the minister and the ministry, but also to all local and international industry players.

"From the smallest start-ups to those becoming unicorns, or perhaps one day, global giants. This is my challenge to you," he said.

Also honoured at the event were Bernama Radio and Bernama TV under the radio and television categories respectively, as well as 18 civil servants and MDA staff, in recognition of their services.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



Well done: Ng receiving the media award from Dzulkefly as MDA chief executive Dr Muralitharan Paramasua (left) looks on. — FAIHAN GHANI/The Star

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Dzul: Health Ministry will review any measures for schools

PUTRAJAYA: Plans to close schools due to the extreme heat will be reviewed first before any announcement can be made by the Health Ministry, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Extreme weather incidents must be reviewed in detail by Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan before any announcement is made, said the Health Minister.

"Do not fear; if there (are) calls for it (school closure), then we will

announce it," he told reporters at the Medical Device Authority Awards 2023 here yesterday.

Dzulkefly added that the existing guideline for schools to avoid outdoor activities if the temperature is above 35°C for three consecutive days is still in force.

On Thursday, Natural Resources and Environmental Sustainability Minister Nik Nazmi Nik Ahmad said the El Nino phenomenon is expected to continue for the next two months.

He said Kelantan, Perlis and Kedah are experiencing higher temperatures than Selangor and Kuala Lumpur.

Malaysia recorded the highest temperature of 40.1°C in Chuping, Perlis on April 9, 1998.

As at April 4, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) has issued 748 heat alerts for various areas nationwide, surpassing last year's total of 397 alerts.

Meanwhile, Dzulkefly said an

emergency meeting was going to be held last night with his ministry's top management to discuss follow-up measures on the shortage of medical officers in district hospitals.

"We used to produce between 6,000 and 7,000 fresh medical graduates, but the numbers have declined to almost 50%.

"We will announce in the next two or three days, on how (the measures) can be implemented."

In a post on X on April 26,

Dzulkefly said he had instructed both federal and state health leadership to review the human resource situation involving public hospitals and to review necessary actions involving the placement of housemen in the country.



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

Health DG: Slight dip in dengue cases

PUTRAJAYA: Reported dengue fever cases dropped to 2,237 in the 17th Epidemiological Week (ME17) from April 21-27, compared with 2,321 cases recorded in the previous week.

No deaths due to dengue fever complications were reported in ME17, said Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

The cumulative number of dengue fever cases reported up to ME17 was 52,887 cases compared with 36,977 cases for the same period in 2023.

There were 39 deaths due to dengue fever complications reported compared with 22 deaths for the same period last year.

"The number of hotspot localities reported in ME17 was 63 compared with 80 in the previous week," he said in a statement, reported Bernama.

Of the total number of localities reported, 51 were in Selangor, four in the Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya, three in Penang, two each in Perak and Kedah, and one in Sarawak.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : VIEWS

Buyers, beware of fake dietary supplements online

SINCE the onset of Covid-19, Malaysians have been taking extra care of their health. In fact, this new collective awareness has propelled a steady demand for dietary supplements.

However, the higher cost of living has prompted consumers to cut back on added expenses, including dietary supplements. This situation opens doors for devious and illegal activities to take place in the market, especially through ecommerce websites where counterfeit supplements are sold at absurdly low prices.

For instance, a bottle of supplements for joint support may cost RM120 - RM180 at pharmacies, but some unscrupulous sellers offer the same product online for only RM38.

Additionally, certain platforms and sellers may take advantage of unassuming consumers by offering attractive discounts and vouchers, further expanding this perpetual market of deceit.

The allure of a good bargain can be extremely compelling, more so when one only needs to pay a fraction of the original price.

However, the consequences of purchasing from unverified vendors or websites can be severe. A multitude of these sellers often operate without the necessary quality control measures.

Without proper scrutiny, these unscrupulous vendors can easily pass off fake supplements as genuine, putting consumers at risk of

ingesting unknown and possibly harmful substances. These products also may not follow proper standards or procedures, leading to higher chances of improper handling and contamination.

Besides the health risks, these unverified sources also undermine the integrity of Malaysia's legitimate nutritional supplements market, which was valued at US\$644.68mil in 2023.

Certified brands are finding it harder to earn the trust of customers who have been victims of disingenuous sellers.

Malaysia upholds strict laws and regulations to govern the manufacturing and labelling of dietary supplements. This includes mandatory registration of documented evidence and stringent timelines for health supplements.

The Health Ministry (MOH) via

the National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA) has laid out various safeguards to help consumers identify the legitimacy of a product.

It has also mandated that all certified health supplements must be marked with the holographic sticker called the FarmaTag, which is extremely hard for counterfeit producers to replicate. The sticker also includes an MOH-issued QR code, a gradient design, and holographic serial and personal identification numbers.

Additionally, MOH has released a mobile application called FarmaChecker to help consumers confirm a product's certification status online by scanning its QR code or typing in its serial number.

At the same time, the NPRA continues to ensure the safety and

efficacy of dietary supplements, mandating safety data for supplements with new or innovative ingredients.

The Malaysian Dietary Supplement Association (Madsa) also works hand-in-hand with the government to promote and increase awareness of health supplements and their benefits to consumers.

With the collective effort by both the government and consumers alike, we can work towards a future where all our nutritional supplements are safeguarded from the unethical practices of counterfeit producers.

By being mindful of the sources of our purchases, especially when the products involve our health and well-being, we can nurture a safe and healthy supplements market in Malaysia. After all, bargaining our health for cheaper costs will never be worth the price.

Madsa advises Malaysian consumers to always make sure that online supplements have been registered by the NPRA. Check if the product has an MAL number, which verifies that it has been approved by the NPRA. If the product that's delivered doesn't have such identification, return it, ask for a refund, and report to MOH.

COUNCIL OF THE
MALAYSIAN DIETARY
SUPPLEMENT ASSOCIATION



Photo: TNS